

CNS8635

R GB 01-08 00157 BB563

bah

KELANTAN DAN SABAH MENGALAMI KELEMBAPAN EKONOMI KERANA PEMBANGKANG

Mahathir - Pembangkang

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kelantan dan Sabah yang diperintah oleh parti pembangkang kini mengalami kelembapan ekonomi berpunca daripada tindakan kedua-dua kerajaan negeri yang mementingkan parti daripada rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan ke-21 parti Gerakan di sini, Perdana Menteri berkata perhitungan kerajaan pembangkang tentang sesuatu tindakan atau cadangan, kerap diambil dengan tergesa-gesa dan tidak dibuat dengan teliti.

+Sebelum sempat dikaji, perisytiharan dibuat dahulu kerana kepentingan politik. Kemudian apabila didapati reaksi tidak begitu baik, barulah percubaan dibuat untuk menjelaskan bahawa cadangan yang diumumkan tidaklah seperti sangkaan orang ramai,+ kata beliau.

Beliau berkata soal pelaksanaan hukum hudud termasuk dalam kategori ini.

Dr Mahathir berkata:+ Semua ini menunjukkan bahawa apabila orang yang bukan ahli dalam sesuatu bidang diberi kuasa dan tanggungjawab, kerosakan akan berlaku.+ -- Lagi

▼01/08/15-43MST

CNS8638

R GB 01-08 00121 BB564

bah

Mahathir - Pembangkang 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Ini menyebabkan kedua-dua negeri yang diperintah oleh parti pembangkang mengalami kelembapan ekonomi di masa negara umumnya berada dalam keadaan ekonomi sedang berkembang pesat, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata keadaan akan dapat diubah jika para pemimpin dan anggota Barisan Nasional berusaha dengan lebih gigih untuk memenangi hati rakyat di negeri-negeri berkenaan dan memberi penerangan yang betul.

Parti-parti komponen mesti menunjukkan kepada penduduk di kedua-dua itu bahawa hanya BN sahaja yang dapat membawa pembangunan dan kemajuan, baik material mahupun spiritual, katanya.

Beliau juga berkata parti komponen BN juga hendaklah sentiasa berwaspada dengan tindak tanduk parti lawan dan mengambil tindakan mendedahkan pembongkaran mereka. -- Bernama